

09 APR 2000

SIDANG PARLIMEN DILANJUT ENAM HARI LAGI, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Parlimen kesepuluh yang berakhir pada 13 April akan dilanjutkan enam hari bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Persidangan Dewan Rakyat dilanjutkan selama enam hari kerana mengikut undang-undang, rang undang-undang itu sahaja mengambil masa tiga hari," katanya kepada pemberita selepas meninjau sebuah kapal hovercraft buatan British di Mines Resort di sini, hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah merasmikan sidang parlimen itu pada 14 Feb.

-- BERNAMA

MHI FAZ